



Kenali pesakit

Nama: Vivian Tahm Siew Young
Umur: 73 tahun
Kerjaya: Pesara guru dan kini aktif dalam pelbagai kerja amal.
Vivian menghidap barah payu dara sebelah kanan sebelas tahun lalu. Selepas mendapat sokongan suami dan keluarga, Vivian menjalani pembedahan dan rawatan dengan sempurna. Kini dia bebas daripada barah dan cergas melakukan aktiviti harian.

Oleh RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH
adawiyah.koh@utusan.com.my
Foto IZHAM JAAFAR

USIANYA yang mencecah 73 tahun tidak membataskan penglihatannya. Orang kata, semakin kita dimamah usia, penglihatan kita terjejas. Walaupun bercermin mata, wanita ini masih cergas melakukan aktiviti harian. Sekilas pandang mungkin kita tidak menyangka dia juga pernah menghidap barah payu dara.

Setiap kali berbicara mengenai barah payu dara, perasaan gerut akan melingkari diri dan ketika itu turut berdo'a supaya dihindari daripada penyakit itu.

Namun, apabila takdir sudah ditentukan tiada siapa pun dapat mengelakannya dan tatkala disahkan penghidapnya perlulah menerima hakikat itu.

Inilah kekuatan Vivian Tahm Siew Young yang masih cergas di usia emas. Melayari kebahagiaan rumah tangga selama 43 tahun, Vivian tidak sedikit pun gentar apabila disahkan menghidap barah sebelah kanan lalu.

Selepas bersara sebagai guru pada tahun 1989, Vivian masih lagi aktif mengajar tuisyen. Baginya, mendidik sudah cukup sebat dalam dirinya.

Kehidupannya yang tidak pernah sepi dengan pelbagai aktiviti luar diuji dengan kehadiran barah dalam hidupnya.

Selar tentang perlunya penjagaan kesihatan, Vivian mengambil alternatif sendiri membuat pemeriksaan.

Sokongan suami dan anak-anak yang tidak berbelah bagi menguatkan semangatnya ketika itu.

"Saya melakukan pemeriksaan kesihatan wanita termasuk mamogram, Vivian disahkan menghidap barah peringkat pertama.

Gerak hatinya benar, dia mungkin sakit. Namun, dugaan ini benar-benar menguji Vivian sekeluarga.

"Memang barah payu dara itu menyakitkan, tetapi tanpa sokongan suami, saya rasa ia lebih menyekatkan," katanya

VIVIAN yang sedang menjahit ditemani Presiden BCWA, Ranjit Kaur di pejabat BCWA yang terletak di Petaling Jaya, Selangor.



DIARI HARAPAN

Vivian - cergas di usia emas

“**Saya menjahit untuk jualan amal. Pada masa lapang, saya akan berkumpul dengan rakan-rakan seusia saya berkongsi pelbagai cerita. Untuk menjiwai ilmu, saya juga masih minat membaca buku**

- Vivian

Ibu beranak dua ini. Ketika disken penyakit itu, doktor mengarahkannya membuang payu dara sebelah kanan.

"Saya tidak dapat membayangkan kehidupan sebagai isteri tanpa sebelah payu dara dan rambut yang gugur kesan rawatan kemoterapi. Saya sangat sedih dan terfikir, inilah waktunya suami mungkin meninggalan saya," ujarnya.

Bagaimanapun, jangkakan Vivian melseket. Suaminya ketika itu sentiasa mememaninya menjalani rawatan, malah anak-anaknya juga datang memberi sokongan.

Kesetiaan suami mengharungi suka duka bersamanya, membuka pintu hati Vivian aktif dalam kerja amal apabila sembuh.

"Saya sendiri merasainya, betapa sokongan suami adalah penawar terbaik untuk terus gagah melawan barah payu dara. Kalau pesakit takut buat rawatan, saya akan nasihatkan mereka supaya hati dan minda lebih terbuka menerima rawatan moden," ujarnya.

Selepas 11 tahun bebas daripada barah payu dara, Vivian masih menjalani pemeriksaan payu dara setiap tahun.

Kini, selepas pemergian suami tersayang, Vivian hidup bersendirinya di kota metropolitan ini.

Tidak pernah merasa sunyi walaupun dua orang anaknya kini telah berjaya dalam kerjaya masing-masing, dia aktif dalam kerja amal.

"Selain terlibat dengan pelbagai persatuan amal, saya sering melakukan aktiviti luar. Misalnya, saya menjahit untuk jualan amal. Pada masa lapang, saya akan berkumpul dengan rakan-rakan seusia saya berkongsi pelbagai cerita. Untuk menjiwai ilmu, saya juga masih minat membaca buku," katanya yang aktif dalam Persatuan Kebajikan Kanser Payudara (BCWA).

Tambah Vivian, sebagai wanita kita tidak perlu risau.

Sekiranya ditakdirkan menghidap barah, pesakit dan keluarga perlu menerima hakikat tersebut.

"Sebagai wanita kita perlu sedar tentang keperluan kesihatan. Penyakit ini sesuatu yang biasa dan boleh menyerang sesiapa. Justeru itu, pemeriksaan peringkat awal amat perlu," nasihatnya.

Dalam pada itu, Vivian juga aktif dalam projek mengumpul dana Jamuan Teh Malaysia anjuran BCWA Malaysia dan Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia (NCSM) yang telah dilaksanakan 13 Ogos lalu.

Presiden BCWA, Ranjit Kaur, berkata program Jamuan Teh Malaysia adalah yang pertama kali diadakan tahun ini di Malaysia. Idea untuk menganjurkan program itu diinspirasi oleh Cancer Council Australia (CCA) yang sudah 16 tahun menganjurkan acara seumpama itu.

Katanya, BCWA berharap program itu dapat dilaksanakan di negara ini setiap tahun dan boleh mengumpul sebanyak dana yang mungkin bagi mengadakan pelbagai program berkaitan barah payu dara.

Paling menyentuh perasaannya ketika itu, suami lebih sedih daripada dirinya sendiri. "Saya cakap pada suami, ini merupakan penyakit biasa, jangan bersedih," katanya walaupun terdetik di hatinya perasaan tekanan.

Info

Persatuan Kebajikan Kanser Payudara (BCWA)
Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
16, Jalan Utara
46200 Petaling Jaya
Tel: 03 79549039 Fax: 03 79540122
www.breastcancer.org.my

Institut Jantung Negara
145, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 2617 8200
Faks: 03 - 2698 2824
jm.com.my

Institut Diabetes Negara
No1, Jalan SS8/50,
47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03 7876 1676 / 77
E-mel: nash@radhidabetes.com.my

Pusat Sumber Transplan Kebangsaan Hospital Kuala Lumpur,
Jalan Pahang,
50586 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26842704
Bebas tol: 1-800-88-9080
E-mel: ntr@hkl.gov.my

Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CARE)
IPSA, Tingkat 7, Makmal Blok A,
Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor.
Tel: 03-8947 2706
www.ipsas.upm.edu.my/care

● **Pusat/Institusi Perubatan diarah-takkan membantu pesakit.**

09. 10 - OLE MINGGUAN MALAYSIA